

BAHASA, BUDAYA & WARISAN KITA

Dari September hingga Disember, Berita Harian menerbitkan empat esei yang ditulis untuk menghargai sumbangan beberapa seniman mapan yang telah melestarikan arena seni bahasa Melayu setempat. Karya seniman ini, dengan sokongan Lembaga Warisan Negara (NHB), telah disematkan dalam siri 'Intangible Cultural Heritage' atau Warisan Budaya Tidak Ketara, yang dikendalikan oleh Taman Warisan Melayu (TWM).

► **TAUHID BAKHIT**

Seni bercerita mampu menawarkan pelbagai manfaat meskipun kurang diberi perhatian.

Manakan tidak, seni warisan ini mampu menjadi wadah penerapan nilai murni dalam diri kanak-kanak.

Tambahan pula, sebagai sastera lisan, seni bercerita turut memberi nafas baru kepada khazanah sastera bertulis yang sememangnya memaparkan serta memacu pemikiran intelektual.

Makanya, tidak keterlaluanlah jika dikatakan bahawa usaha menghidupkan seni bercerita merupakan sebahagian daripada usaha besar menghidupkan kembali warisan budaya Melayu.

Antara penggerak seni bercerita di Singapura termasuklah Maria Mahat, seorang penulis dan penerbit buku yang kini turut berkecimpung dalam dunia seni bercerita.

Harapan beliau agar seni ini akan terus berkembang sehingga mampu menarik minat generasi muda agar ia tak lupuk dek zaman.

CARA PENYAMPAIAN BERBEZA

Seni bercerita dalam masyarakat Melayu sudah wujud buat sekian lama.

Pada zaman dahulu, kemahiran menulis dan membaca terbatas kepada sebilangan kecil masyarakat yang berpendidikan.

Lantas, dalam kalangan rakyat jelata, terlahirlah tradisi penceritaan secara lisan.

Lazimnya, si pencerita dikenali sebagai 'penglipur lara' atas kemampuannya menghiburkan setiap hati yang duka. Selain gelaran ini, sang pencerita turut diberi gelaran lain seperti Tok Selampit, Tok Dalang dan Awang Batil, sesuai dengan daerah serta cara penyampaiannya masing-masing.

Setiap daripada mereka mempunyai cara penyampaian berbeza.

Misalnya, jika Tok Selampit bercerita dengan iringan muzik tertentu, Tok Dalang pula bercerita menerusi seni wayang kulit.

Dengan kemahiran berbahasa yang luar biasa, mereka turut menyelitkan permainan lenggok bahasa menerusi syair, pantun, sajak dan sebagainya untuk menyeronokkan dan mencantikkan lagi penyampaian masing-masing.

Yang jelas, seni bercerita bukanlah sesuatu yang asing bagi masyarakat Melayu.

Bukan sekadar menghiburkan hati, isi kandungan cerita yang disampaikan secara kreatif ini turut menyediakan pelbagai pelajaran yang boleh diraih.

Antaranya, seni warisan ini mampu menerapkan nilai murni terutama sekali dalam golongan kanak-kanak.

Lebih daripada itu, ia mampu meningkatkan pengetahuan am si penonton mengenai unsur sejarah dan kecenderungan masyarakat lampau tatkala hikayat lama diceritakan semula dalam pelbagai bentuk kreatif.

Misalnya, jika sebahagian hikayat mengandungi unsur magis dan mistik, ada pula yang menerapkan elemen politik dan sebagainya.

Dalam pada itu, ada juga yang mengemukakan kritikan terhadap isu masyarakat.

Yang penting, seni bercerita merupakan wadah menghidupkan serta memberi nafas baru terhadap warisan intelektual dan kreativiti masyarakat Melayu.

Bagi merealisasikan hal ini, para penggiat seni bercerita menggarap pelbagai teknik tertentu.

Demikian menarik minat penonton, sesetengah pencerita akan menyanyikan lagu ketika bercerita, baik lagu kanak-kanak yang sedia ada mahupun yang diciptakan si penulis sendiri.

Misalnya, dalam cerita 'Pokok Saga Istimewa' karya Maria Mahat, beliau memasukkan lagu klasik *Burung Kakak Tua*.

Lebih daripada itu, beliau turut menggunakan watak 'burung kakak tua' sebagai penyampai cerita sekali gus memperkenalkan kepada para penonton kanak-kanak tentang watak simbolik ini.

Seiring dengan peredaran zaman, beberapa perkembangan daripada bentuk teknologi turut diusahakan untuk terus menyebarkan warisan kesusasteraan Melayu.

Antaranya, hikayat sudah pun diadaptasikan menjadi filem, rancangan televisyen mahupun pementasan teater.

Bahkan, perkembangan teknologi memungkinkan penyampaian sastera lisan menerusi wadah inovatif seperti forum interaktif di muzium yang menyepadukan unsur visual, suara, muzik dan sebagainya.

Lebih menarik lagi, ada pula pencerita yang memanfaatkan realiti terimbong (AR) dalam penyampaian cerita masing-masing.

Di sini, mereka akan mula bercerita terlebih dahulu sebelum berhenti sejenak untuk memberi ruang kepada para penonton mengimbas kod QR yang bakal membawa mereka melalui pengalaman AR.

Selain perkembangan berbentuk teknikal, peredaran zaman turut mewujudkan perubahan dari segi cara penyampaian serta jalan cerita lebih-lebih lagi ketika bertujuan memupuk nilai murni dalam penonton kanak-kanak.

Melangkau hiburan, seni bercerita hidupkan warisan

Penting peringkat kebolehan berbahasa Melayu dalam kalangan golongan muda demi lestari warisan



Penulis dan penerbit buku tempatan, Maria Mahat, kini turut berkecimpung dalam dunia seni bercerita. — Foto TWM

Tamsilnya, jika kepentingan sikap hormat dan taat kepada kedua ibu bapa dahulunya disampaikan menerusi kisah 'Si Tanggung' yang tidak dapat tidak, menanamkan perasaan takut, kini, nilai yang sama wajar dikemukakan menggunakan kaedah dan teknik yang berbeza.

Dalam hal ini, si pencerita haruslah pandai menerapkan kaedah dan teknik yang sesuai mengikut keperluan penontonnya.

Malangnya, meskipun pelbagai yang diusahakan seniman, seni bercerita kini tidak mendapatkan perhatian yang sewajarnya lebih-lebih lagi dalam kalangan masyarakat Melayu tempatan.

Walaupun beberapa acara bercerita dianjurkan, bilangan penonton yang hadir biasanya mengesalkan apatah lagi jika acara tersebut dikendalikan dalam bahasa Melayu sahaja.

Persoalannya, mengapakah keadaannya begini?

Barangkali kurangnya minat terhadap seni bercerita merupakan rentetan daripada penyusutan penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu?

Ataupun, barangkali seni bercerita lazimnya dikaitkan dengan golongan kanak-kanak sehingga golongan dewasa tidak ingin melibatkan diri?

Atau mungkin ramai yang kurang peka terhadap kemampuan seni warisan ini untuk menawarkan pelbagai faedah?

Jelasnya, yang dikemukakan hanyalah spekulasi semata dan masa hadapan seni bercerita ini amat bergantung kepada sokongan orang ramai.

PENULIS, PENDIDIK, PENERBIT DAN KINI PENCERITA

Antara penggerak seni warisan ini ialah Maria Mahat, seorang penulis, pendidik dan penerbit buku tempatan yang kini turut berkecimpung dalam dunia seni bercerita.

Penglibatannya dalam seni ini berkait rapat dengan keputusannya untuk melangkah masuk ke dunia pendidikan awal kanak-kanak.

Awalnya, beliau bermula sebagai pendidik di muzium yang bertanggungjawab melatih guru prasekolah dalam seni panduan bercerita menggunakan artifak Melayu serta lukisan lama.

Ketika itu, beliau menerima maklum balas daripada ramai pendidik yang mengadu tentang kurangnya bahan bacaan yang melestarikan warisan Melayu khususnya bagi kanak-kanak.

Sebagai seorang pendidik sendiri, Maria Mahat memegang teguh amanah sebagai pembentuk generasi yang celik membaca dan kenal akan warisan budaya kita.

Lantaran itu, bermulalah perjuangannya sebagai penulis dan penerbit buku kanak-kanak.

Berjudul *Ada Biji Saga Di Dalam*

Saku Kamil, buku kanak-kanak pertama yang dihasilkan mengisahkan kanak-kanak prasekolah yang berdamawisata ke 'Taman Warisan Melayu (TWM).

Lebih menarik lagi, beliau turut menyulam pelbagai aspek yang berbeza dalam cerita ini seperti sejarah Singapura, pameran muzium serta pakaian dan makanan tradisional Melayu.

Berpaksikan keinginan memperkenalkan warisan Melayu kepada golongan kanak-kanak, beliau turut memuatkan bait puisi berbentuk syair, pantun dan sebagainya.

Bukunya itu pernah juga beliau sampaikan secara lisan di TWM menggunakan teknik penyampaian yang berbeza. Bahkan, lebih menarik lagi, buku itu kemudian diadaptasikan sebagai pementasan digital di Esplanade!

Namun, apakan daya, banyak rintangan yang harus beliau tempuhi dalam perjuangan menghidupkan kembali seni warisan bercerita ini.

Manakan tidak, bilangan penonton yang hadir dalam sesi berceritanya amatlah kecil.

Ada kalanya, yang hadir tidak lebih lima orang meskipun beliau sudah semangat membuat persiapan.

Tidak kurang juga usahanya menerapkan pelbagai elemen digital seperti AR, tetapi tetap belum membuahkan hasil yang meyakinkan.

Meskipun begitu, api semangat tetap membara di hati.

Dorongannya satu sahaja, yakni menghasilkan buku yang dapat memikat hati si pembaca cilik sehingga berkembang rasa minat terhadap cerita Melayu.

Hal ini beliau laksanakan dengan memastikan agar isi kandungan dan jalan ceritanya bersesuaian dengan keadaan hidup kanak-kanak hari ini.

Lebih daripada itu, beliau mengharap agar usahanya dalam seni bercerita ini dapat, secara tidak langsung, meningkatkan minat serta kebolehan berbahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak.

Yang penting, beliau memegang harapan yang besar agar seni ini akan terus berkembang dan tak akan pernah lupuk dek zaman.

Berkenaan cerita rakyat dan hikayat Melayu, beliau turut berharap agar cerita ini mampu berkembang sehingga dikenali oleh masyarakat lain.

Hal ini tidak mustahil sama sekali tetapi harus bermula dengan perasaan bangga dalam kalangan masyarakat Melayu terhadap warisan ini diikuti pula semangat kolektif yang kukuh untuk melestarikannya.

PENUTUP

Natijahnya, usaha menghidupkan kembali sebarang seni warisan bukanlah

tanggungjawab penggiat seni semata. Tentunya banyak yang boleh mereka usahakan seiring dengan kemajuan teknologi tetapi tetap akan sia-sia belaka jika mereka sahaja yang menggembirng tenaga dalam usaha ini.

Hakikatnya, seawal-awal pendidikan bermula di rumah. Tatkala seni warisan mahupun bahasa Melayu langsung tidak mendapat tempat dalam proses pembelajaran kanak-kanak, maka usaha melestarikan sebarang seni warisan menjadi semakin rumit.

Tidak dapat tidak, seni bercerita berkait rapat sekali dengan kebiasaan dan kefasihan seseorang untuk berbahasa, tidak kira dalam bahasa apa sekali pun.

Lantas, demi menghidupkan warisan seni bercerita, maka menjadi penting juga untuk mempertingkatkan kebolehan berbahasa Melayu terutama sekali dalam kalangan golongan muda.

Bak pepatah Melayu, melentur buluh biarlah dari rebunginya.

Maka, dalam hal ini, ibu bapa memainkan peranan yang besar dalam memastikan agar anak-anak mereka didedahkan kepada bahasa Melayu semenjak kecil lagi agar tidaklah menjadi kekok untuk bertutur kelak.

Akhir kalam, menghidupkan seni bercerita atau sebarang seni warisan sekalipun, bukanlah sesuatu yang mustahil jika pelbagai pihak memainkan peranan masing-masing secara bertunas.

Bahkan, tidak mustahil juga bagi seni ini berkembang mengikut rentak perubahan zaman.

Walau apa sekalipun, seni ini menawarkan pelbagai manfaat yang merentas zaman; usahlah biarkan ia lupuk dek zaman.

► *Tauhid Bakhit seorang mahasiswa Pengajian Melayu di Universiti Nasional Singapura (NUS). Minat beliau dalam bahasa dan kesusasteraan Melayu berputik sejak di bangku sekolah rendah lagi. Sejak berjinak-jinak dalam mata pelajaran kesusasteraan di maktab rendah, beliau giat mengkaji khazanah warisan sastera dalam berbagai genre. Tauhid dilantik sebagai Sahabat Sastera oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) pada 2023 dan sejak itu telah diberi pelbagai peluang menyumbang esei kritikan dan penyampaian tentang kesusasteraan tempatan dan rantau.*